



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan baru yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

Warganegara Malaysia yang mempunyai tahap keyakinan serta berintegriti tinggi, bersedia menghadapi cabaran untuk menyertai dunia pendidikan seni budaya dan warisan adalah dialu-alukan untuk mengisi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	KUMPULAN	KADAR UPAH	TEMPOH PERKHIDMATAN
1.	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat – F29)	PELAKSANA	RM 72.00 sehari	3 BULAN + 3 BULAN

Fungsi bidang tugas:

- Membantu penganalisis dan pembangun sistem dalam menghasilkan rekabentuk sistem;
- Melaksanakan penyediaan rumusan tentang spesifikasi dan keperluan asas dalam pembangunan sistem;
- Mengubah spesifikasi dan rekabentuk perisian kepada aturcara kefungsian yang berkualiti dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan yang bersetujuan;
- Melaksanakan integrasi antara sistem yang berlainan bagi pengwujudan pangkalan data berpusat;
- Membuat ujian terhadap aturcara secara berkala bagi memastikan sistem berjalan lancar dan melakukan *debugging* jika perlu;
- Melakukan operasi naik taraf kepada versi terkini bagi memastikan perisian dan sistem lebih efisien dan terjamin keselamatannya; dan
- Menghasilkan dokumen bagi tujuan manual pengguna dan manual teknikal untuk rujukan pentadbir sistem.

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki syarat-syarat seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur antara 18 hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Memiliki kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia peringkat SPM;
- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Memiliki Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di dalam Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian atau bidang berkaitan; dan
- Mempunyai pengalaman sebagai pengaturcaraan sistem dan berkemahiran di dalam bahasa pengaturcaraan PHP atau ASP, MySQL dan SQL.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Perjawatan ASWARA** yang boleh diperolehi dengan memuat turun borang tersebut di laman Web ASWARA iaitu di www.aswara.edu.my
- Permohonan yang telah dilengkapkan perlu dikembalikan bersama-sama sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan, resume dan dokumen-dokumen sokongan dan sijil-sijil yang berkaitan yang **telah disahkan**.
- Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam **sampul surat berukuran 40.5sm x 30.5sm** dengan pada sudut atas **sebelah kiri sampul surat** hendak ditulis **nama jawatan dipohon** atau emelkan kepada asrul@aswara.edu.my.

Rektor
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
464, Jalan Tun Ismail,
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Tel : 03-2778 5959

CATATAN AM

- Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga jawatan ini ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **satu bulan dari tarikh tutup** iklan dianggap **tidak berjaya**.



ASWARA.....melangkah ke hadapan bersama tradisi.....